

Ramai pelajar IPT terlibat jenayah

KOSMO 10/7/09 M/S 8

KUALA LUMPUR - Pembabitian pelajar dari Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam kes jenayah di ibu negara semakin serius terutama melibatkan jenayah dadah diikuti dengan penipuan dan penipuan *black money*.

Dari Januari hingga Jun tahun ini, seramai 31 pelajar ditahan membabitkan enam pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 25 pelajar IPTS.

"Kes jenayah pelajar termasuk

pelajar warga asing semakin serius terutama di kalangan pelajar IPTS. Polis membuat pemantauan berterusan yang melibatkan kumpulan terbabit," kata Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Wira Muhammad Sabtu Osman selepas melancarkan Kempen Unit Kesukarelaan Pencegahan Jenayah dan Rakan Cop di Universti UCSI di sini semalam.

Beliau berkata, pelajar IPTA yang ditahan itu ialah pelajar tem-

patan manakala daripada 25 pelajar IPTS yang ditahan, 18 ialah penuntut tempatan dan baki pelajar asing.

Katanya, daripada pelajar asing yang ditahan itu, tiga dari Kazakhstan dan empat dari Nigeria.

"Empat pelajar Nigeria yang ditahan itu disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya yang boleh membawa hukuman mandatori gantung sampai mati.

"Kita mengirim surat kepada

IPT bagi memaklumkan tentang pelajar mereka yang terbabit (dalam jenayah), selain itu polis juga akan meminta pihak IPT sama-sama memantau pelajar mereka," kata beliau.

Sabtu berkata, lima pelajar sekolah turut ditahan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Dalam pada itu, Polis Kuala Lumpur menjalinkan kerjasama bersama Universiti UCSI terutama dalam aspek pencegahan jenayah melalui

unit pencegahan jenayah dan Rakan Cop di universiti tersebut yang kini disertai 240 pelajar.

Beliau berkata, kerjasama itu memperlihatkan kesan positif apabila tiada kes jenayah dilaporkan melibatkan pelajar UCSI.

"Sebelum ini, terdapat beberapa laporan di mana pelajar UCSI menjadi mangsa jenayah termasuk kes ragut tetapi sejak sebulan lalu selepas penubuhan unit itu, tiada kes dilaporkan," katanya.